

**PM Palestin ucap tahniah  
Utusan Online  
12 May, 2013**

KUALA LUMPUR 11 Mei - Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan memuji Barisan Nasional (BN) yang terus mendapat kepercayaan daripada rakyat Malaysia pada Pilihan Raya Umum Ke-13 lalu.

Ismail dalam kenyataan itu berharap kejayaan akan sentiasa bersama Najib bagi membolehkan beliau terus membawa kemajuan dan kemakmuran kepada Malaysia.

"Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih ke atas sokongan berterusan Malaysia kepada Palestin. Begitu juga dengan sumbangan yang telah diberikan terhadap perjuangan rakyat Palestin.

"Sekali lagi, kami mewakili rakyat Palestin ingin mengucapkan tahniah kepada Najib dan berharap kerjasama antara Malaysia dengan Palestin diteruskan pada masa hadapan," katanya.

Ismail berkata demikian melalui sepucuk surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Palestin, bertarikh 7 Mei 2013.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130512/dn\\_04/PM-Palestin-ucap-tahniah#ixzz2ZnH8TdCp](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130512/dn_04/PM-Palestin-ucap-tahniah#ixzz2ZnH8TdCp)